

# Nazri: 750 pelajar MRSM tetap dipindah

UM 12 JAN 2002

Oleh NOR ZAINAH NORDIN

LENGGONG 11 Jan. — Kementerian Pembangunan Usahawan tidak akan berganjak daripada keputusan untuk memindahkan 750 orang pelajar di dua Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) di Besut dan Dungun walaupun Kerajaan Terengganu mahu berunding dengan Perdana Menteri dan timbalannya.

Menterinya, Datuk Seri Nazri Tan Sri Aziz berkata, beliau tidak ada masalah jika kerajaan negeri mahu merundingkan perkara itu dengan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Bagaimanapun, katanya, satu perkara yang perlu diingat oleh kerajaan negeri ialah keputusan yang dibuat oleh beliau mengikat semua pihak berdasarkan konsep tanggungjawab bersama yang diamalkan oleh Jemaah Menteri.

“Keputusan yang dibuat oleh saya bukan berdasarkan perasaan tetapi atas landasan saya sebagai Menteri yang berkenaan.

“Saya fikir satu keputusan tegas perlu dibuat demi kepentingan para pelajar terbabit,” katanya pada sidang akhbar di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Ekonomi, Petroleum, Perindustrian dan Sumber Manusia Terengganu, Datuk Mustafa Ali.

Semalam, Mustafa berkata, Kerajaan Negeri Terengganu mahu berjumpa dengan Dr. Mahathir dan timbalannya bagi merundingkan keputusan Kementerian Pembangunan Usahawan yang menutup MRSM Besut dan Dungun.

## Rundingan

Katanya, rundingan itu akan diteruskan dengan Perdana Menteri dan timbalannya biarpun tanpa persetujuan menteri berkenaan.

Menurut Nazri, beliau perlu menjawab kenyataan Mustafa kerana bimbang kenyataannya mengenai rundingan perpindahan itu dengan PM dan TPM akan menimbulkan kekeliruan berhubung perkara itu.

“Saya bimbang kenyataan Mustafa akan menimbulkan tanda tanya di kalangan rakyat bahawa keputusan yang dibuat oleh Menteri tidak jadi dilaksanakan.

“Mungkin dia tidak faham konsep tanggungjawab bersa-

ma atau pembahagian tugas dalam kerajaan yang mana keputusan yang dibuat oleh Menteri mengikat semua,” katanya.

Nazri menegaskan, keputusan berpindah yang diumumkan adalah bagi menjaga kepentingan para pelajar dalam meneruskan pelajaran mereka.

Beliau memberi jaminan kepada ibu bapa pelajar berkenaan bahawa Kementerian akan mengekalkan pelajar-pelajar itu dalam sistem pendidikan MRSM.

“Jika kita berunding, ia mungkin ambil masa sebulan dua. Bagaimana dengan nasib pelajar-pelajar ini? Ada di antara mereka yang mahu mengambil peperiksaan penting,” katanya.

Tambah beliau, jika rundingan diadakan dengan Yayasan Terengganu dan keputusannya tidak memihak kepada Kementerian, para pelajar itu tetap juga akan dipindahkan.

Katanya, Kerajaan Terengganu perlu berhenti daripada bermain politik dalam perkara itu kerana Kementerian telah bersetuju mematuhi arahan pengosongan bangunan MRSM-Yayasan Terengganu seperti yang diminta.

“Jangan main-main, seke-

jap suruh keluar, kemudian tarik balik, sekejap kata nak runding, macam-macam. Bagi saya, kita perlu buat satu keputusan tegas yang mengakhiri semua ini dan keputusan saya ialah pindah,” ujarnya.

Nazri berkata, beliau gem-bira dengan keputusan Kerajaan Pas Terengganu yang mahu berunding dengan Perdana Menteri walaupun selama ini mereka mengatakan Dr. Mahathir adalah zalim, kejam dan jahat.

“Kalau mahu jumpa PM, jumpalah, saya suka sebab selama ini, mereka kata PM jahat, zalim, kejam...(kini) nak merayu kepada PM, baguslah,” ujarnya.

Pelajar-pelajar MRSM Dungun dan Besut dijangka memulakan persekolahan mereka di lima MRSM selepas cuti sempena Tahun Baru Cina kelak.

Mereka akan ditempatkan di MRSM Pasir Tumbuh, Kuala Krai dan Jeli, di Kelantan, serta di Mengabang Telipot, Kuala Terengganu dan Bandar Muadzam Shah, Pahang.